

# Belum sempat temu duga naik pangkat, terpaksa pulang...

UM 23/9/2010 ms 12

SAYA ingin meluahkan rasa kecewa menghadiri sesi temu duga untuk jawatan Penolong Penguasa Imigresen KP27. Belum sempat masuk ke bilik temu duga, saya dan beberapa lagi rakan terpaksa pulang kerana gagal ujian 'Body Mass Index' (BMI).

Rasa kecewa yang amat sangat kerana kami adalah pegawai yang telah lama berkhidmat di Jabatan Imigresen Malaysia, dalam lingkungan 10 hingga 20 tahun perkhidmatan dan telah lulus peperiksaan Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) se-

perti yang disyaratkan. Rata-rata umur pegawai calon KPSL antara 35 hingga 45 tahun. Dengan purata umur yang sedemikian agak sukar bagi kami menepati syarat BMI yang indeks maksimumnya ialah 30.

Kami dimaklumkan syarat wajib BMI adalah untuk tujuan imej jabatan di mana pegawai-pegawai beruniform akan kelihatan segar sekiranya sentiasa berada dalam keadaan berat badan ideal. Kami menyokong penuh kenyataan ini tetapi sewajarnya juga kami diberi peluang untuk mencuba nasib dan mendapat pe-

luang kenaikan pangkat yang kebarangkalian untuk seseorang pegawai calon KPSL mendapatnya mungkin dalam 1:100 kerana faktor saingan.

Jika tahun ini saya mendapat panggilan temu duga tetapi tahun depan dan tahun seterusnya belum tentu saya akan dipanggil. Umur makin meningkat dan peluang makin tertutup.

Usaha kami untuk mendapatkan dokumen yang diwajibkan untuk sesi temu duga dirasakan seperti sia-sia kerana kami tidak dapat masuk ke bilik temu duga selepas gagal ujian

BMI semasa sesi timbang berat dan ukur tinggi. Kami gugur sebelum berjuang, tewas sebelum berperang, pulang dengan perasaan hampa. Bila pulang ke rumah dan ditanya oleh suami atau isteri dan anak-anak perasaan malu dan kecewa ketika itu hanya Tuhan yang tahu.

Saya merayu kepada pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) pertimbangkan agar syarat lulus BMI untuk calon KPSL dikaji semula. Syarat ini baru diperkenalkan tahun 2009 dan masih ada ruang untuk berbincang dan mengkaji semula.

Tujuannya agar orang-orang lama mendapat peluang kenaikan pangkat dan mencurahkan bakti, buah fikiran dan pengalaman dalam memartabatkan lagi imej Jabatan Imigresen Malaysia.

Juga untuk sama-sama menghayati semangat 1Malaysia 'Rakyat DiDahulukan Pencapaian Diutamakan' kerana di samping sebagai penjawat awam, kami juga adalah rakyat Malaysia.

**SAYANG**

Nilai, Negeri Sembilan

UM  
23-09-2010  
ms.12

# Calon perlu lulus ujian BMI

UM 29-09-2010 ms.12

SURUHANJAYA Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) ingin merujuk kepada tulisan Sayang dari Nilai, Negeri Sembilan dalam ruangan ini bertarikh 23 September 2010 bertajuk 'Belum sempat temu duga naik pangkat, terpaksa pulang..'

Untuk makluman, pemeriksaan fizikal dan pancaendera yang dilaksanakan bagi jawatan Penolong Penguasa Imigresen Gred KP27 merupakan sebahagian daripada proses temu duga. Calon yang lulus ujian fizikal akan ditemu duga pada hari yang sama. Ujian bersekali dengan temu duga ini adalah untuk kemudahan calon di mana calon tidak perlu datang sebanyak dua kali. Salah satu ujian yang calon perlu lulus ialah ujian 'Body Mass Index' (BMI) atau Indeks Jisim Badan.

Berhubung cadangan supaya syarat lulus BMI bagi calon kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) dikaji semula, dimaklumkan bahawa Suruhanjaya dan Kementerian/Jabatan telah pun melong-

garkan syarat lulus BMI bagi calon KPSL sehingga 30 indeks berbanding bagi calon lantikan terus yang dihadkan di antara 19 hingga 26 indeks sahaja.

Ujian BMI yang dilakukan ini bertujuan memastikan calon yang bakal dilantik ke gred 27 sihat dan cergas, bersesuaian dengan bidang tugas jawatan Penolong Penguasa Imigresen.

Di samping itu penekanan kepada BMI juga adalah sebagai usaha untuk mewujudkan pegawai perkhidmatan awam yang mengambil berat aspek penjagaan kesihatan agar dapat memberi perkhidmatan dengan cemerlang.

Calon KPSL yang gagal dalam urusan pengambilan ini sebenarnya masih berpeluang untuk mendapat kenaikan pangkat melalui saluran biasa misalnya ke gred 22, 26, 32 dan 36 dan tidak semestinya secara KPSL sahaja.

**RADZIAH MOHD SHARIF,**

Pegawai Perhubungan Awam,  
b.p. Setiausaha SPA.